

UEM Edgenta Kongsi Keberkatan Ramadan Bersama Komuniti Di Seluruh Negara Melalui Program CSR 'Jalinan Kasih'

KUALA LUMPUR, 10 April - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat") meneruskan tanggungjawab dan komitmen terhadap masyarakat yang memerlukan pada bulan Ramadan melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporatnya iaitu program "Jalinan Kasih Edgenta Ramadan".

Program komuniti yang berlangsung selama sebulan ini telah menyentuh kehidupan lebih 2,000 individu di beberapa buah negeri di seluruh Malaysia. Program ini bermula dengan sumbangan barangan keperluan asas seperti makanan, bawcar pembelian barang runcit, dan sumbangan wang tunai yang telah diagihkan kepada 475 keluarga asnaf bertempat di pelbagai lokasi di mana Syarikat beroperasi. Inisiatif ini dijalankan di Masjid Ar Rahah, Bangsar South dan beransur ke PPR Pantai Ria, Bangsar serta masjid-masjid terpilih di Perak, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Perlis.

Program diteruskan dengan aktiviti membeli-belah persiapan baju raya sempena Hari Raya Aidilfitri di AEON IOI City Mall, Putrajaya bersama anak-anak yatim dari Rumah Bakti Nur Ain di Bangi. Kegembiraan jelas terpancar di wajah penghuni rumah anak yatim yang diberi kesempatan untuk membeli-belah pakaian serta barangan raya, di mana mereka berpeluang untuk melihat dan memilih pelbagai pilihan pakaian, serta keperluan lain. Anak-anak yatim yang diraikan turut juga berpeluang menikmati juadah berbuka puasa yang menarik dan menyelerakan di Hotel Le Meridien Putrajaya.

"Sempena perayaan Aidilfitri yang meriah ini, kita haruslah mengingati mereka yang kurang bernasib baik dan pastikan mereka tidak diabaikan, terutamanya kesejahteraan kanak-kanak. Kita haruslah berusaha untuk meringankan beban dan menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan, agar kita dapat memberi impak yang positif kepada kehidupan mereka serta memberi inspirasi kepada mereka untuk membantu masyarakat yang lain pada masa hadapan. Melalui tindakan amal ini, kita dapat membuat perubahan dan menyebarkan kasih sayang serta belas kasihan kepada orang di sekeliling kita. Marilah kita menggunakan peluang musim perayaan ini untuk berkongsi rezeki dengan mereka yang kurang bernasib baik, agar hidup mereka lebih cerah dan penuh harapan," kata Syahrulizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Program Jalinan Kasih Edgenta Ramadan tahun ini diakhiri dengan penuh kegembiraan sempena majlis pengedaran bubur lambuk kepada lebih 800 pemandu di kawasan R&R Sungai Buloh di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak

syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.